

# TAHAP KEFAHAMAN MASYARAKAT ISLAM NEGERI PAHANG TERHADAP PERANAN *MAQASID SYARIAH* DALAM MENANGANI WABAK COVID-19

Abdul Halim Abdul Karim<sup>1</sup>, Nurul Syuhadah Azalan<sup>2</sup> & Muhamad Fadlly Ismail<sup>3</sup>

<sup>1&2</sup>Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

<sup>3</sup>Jabatan Quran Sunah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

## Abstrak

*Maqasid Syariah yang diterangkan oleh ulama Usul Fiqh merupakan makna dan tujuan yang dikehendaki syara' dalam mensyariatkan sesuatu hukum bagi menjamin kemaslahatan umat manusia. Maqasid Syariah juga mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam mengukur dan mempertimbangkan sesuatu perkara demi menjamin kemaslahatan dan menolak keburukan. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh kerajaan kini disebabkan penularan wabak Covid-19 turut melibatkan perubahan dalam pelaksanaan hukum dan ibadat umat Islam di Malaysia. Namun begitu, kefahaman masyarakat tentang agama Islam berada di tahap yang membimbangkan apabila terdapat kenyataan yang bersalahan dengan konsep Islam yang sebenar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan umum masyarakat Islam di negeri Pahang tentang Maqasid Syariah dan mengenal pasti tahap kefahaman dan pengetahuan masyarakat Islam di negeri Pahang terhadap peranan Maqasid Syariah dalam menangani Covid-19. Kaedah penyelidikan yang digunakan ialah kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data dan maklumat dengan tepat. Data kajian didapati melalui teknik persampelan mudah dengan menggunakan instrumen yang diadaptasi daripada kajian yang dibangunkan sendiri oleh penyelidik KUIPSAS. Data dianalisis dengan statistik min, Ujian-t bebas dan ANNOVA Sehalu. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan umum masyarakat Islam di negeri Pahang tentang Maqasid Syariah dan tahap kefahaman masyarakat Islam di negeri Pahang terhadap peranan Maqasid Syariah dalam menangani Covid-19 adalah tinggi di samping tiada perbezaan hubungan yang signifikan. Kajian ini mencadangkan usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang Maqasid Syariah perlulah diteruskan dan dihebahkan ke peringkat komuniti dan individu melalui media massa agar mereka sentiasa sedar akan kepentingan ilmu Maqasid Syariah ini.*

**Kata kunci:** *Maqasid Syariah, Covid-19, wabak, masyarakat Islam*

## Perkembangan Artikel

Diterima: 10/8/2020

Disemak: 11/11/2020

Diterbitkan: 15/12/2020

## Penulis Utama:

Abdul Halim Abdul Karim  
Jabatan Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Kolej Universiti Islam  
Pahang Sultan Ahmad  
Shah (KUIPSAS),  
Kuantan, Pahang,  
Malaysia

## E-mel:

abdhalim@kuipsas.edu.my

## PENGENALAN

Pada awal tahun 2020 dan hingga ke saat ini, negara Malaysia khususnya dan warga dunia amnya sedang bekerja keras dan berusaha gigih bagi mengekang penularan wabak penyakit. Novel Coronavirus atau lebih dikenali sebagai Covid-19.

Sehingga artikel ini ditulis (2 Disember 2020), berdasarkan statistik kes Covid-19 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kes positif Covid-19 di seluruh dunia yang telah direkodkan adalah sebanyak 62,844 837 kes, 1,465144 kes pula yang membabitkan kehilangan jiwa serta melibatkan 220 buah negara, kawasan dan wilayah di seluruh dunia (*World Health Organization*, 2020). Dalam konteks Malaysia pula, sehingga 1 Disember 2020, jumlah terkumpul kes positif Covid-19 yang direkodkan ialah sebanyak 67,169 kes dan jumlah kematian yang direkodkan adalah sebanyak 363 kes (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

Menurut (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020), wabak Covid-19 mula dikenal pasti di Wuhan, China pada 7 Januari 2020 dan kemudiannya dikesan di negara-negara lain seperti di Thailand, Amerika Syarikat, Singapura, Korea Selatan dan termasuklah Malaysia. Kes pertama di Malaysia direkodkan pada 25 Januari 2020 dan berterusan sehinggalah ke hari ini. Kementerian Kesihatan Malaysia turut melaporkan bahawa wabak penyakit ini boleh tersebar menerusi batuk atau bersin seseorang individu yang positif dijangkiti Covid-19 kepada individu yang lain atau melalui sentuhan individu lain kepada sebarang objek atau permukaan yang mengandungi titisan batuk atau bersin individu yang positif dijangkiti Covid-19. Selain itu, penyakit ini juga boleh menjangkiti mereka yang berada berdekatan dengan pesakit Covid-19 khususnya jika pesakit Covid-19 ini dalam keadaan batuk atau selesema (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia menerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengeluarkan peraturan berbentuk Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau *Movement Control Order* bagi mengekang rantaian penularan wabak Covid-19 secara bersepadu dan komprehensif. PKP ini telah bermula pada 18 Mac 2020 dan masih berterusan sehingga ke hari ini yang dijangkakan akan berakhir pada 31 Disember 2020 (Majlis Keselamatan Negara, 2020).

Menurut (Majlis Keselamatan Negara, 2020), punca kuasa kepada penetapan PKP ini adalah berdasarkan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 dan ianya adalah berfungsi sepenuhnya terhadap seluruh negara Malaysia. Antara inti pati penting yang terkandung dalam PKP ini ialah larangan secara komprehensif membabitkan sebarang perjalanan dan perjumpaan orang ramai meliputi sektor keagamaan, kebudayaan, sukan dan sosial, tegahan perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara dan kemasukan pelancong asing ke dalam negara. Selain itu, PKP ini juga membabitkan penutupan semua pusat pengajian dan pendidikan dalam negara seperti pra sekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pengajian tinggi merangkumi milikan kerajaan atau swasta serta penutupan semua operasi dan bangunan kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan penting negara.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Dalam menghadapi isu Covid-19, kesan yang sangat ketara bukan sahaja pada tahap kesihatan dan keselamatan rakyat Malaysia malahan memberi kesan yang cukup signifikan kepada pengamalan dan penghayatan ibadah umat Islam akibat penularan wabak Covid-19 ini. Dengan erti kata lain, berlakunya perubahan norma kehidupan masyarakat di negara Malaysia termasuklah dalam soal pelaksanaan ibadah bagi umat Islam. Hal ini kerana umat Islam diuji dengan penularan wabak penyakit Covid-19 yang menyaksikan keterbatasan pergerakan dan perhubungan bagi mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan termasuklah penangguhan aktiviti keagamaan di masjid dan surau seperti solat Jumaat, solat berjemaah dan sebagainya bermula pada 18 Mac 2020.

Justeru itu, secara fundamentalnya PKP yang ditetapkan ini telah menguji tahap kefahaman dan penerimaan umat Islam khususnya dalam isu-isu keagamaan sehingga wujudnya persoalan seperti, “*takut tuhan atau virus*” (Hayin, *Harian Metro Online*, 2020) atau

kenyataan seperti “*saya tidak takut Covid-19, tetapi hanya takut pada Allah kerana ia hanya menyerang pelaku maksiat sahaja*”(Mohd Yusoff, Berita Harian Online, 2020). Selain itu, terdapat segelintir umat Islam yang masih tidak menerima perintah penangguhan aktiviti solat berjemaah di masjid dan surau serta penutupan masjid dan surau sehingga ditahan oleh pihak berkuasa agama kerana cuba mendirikan solat berjemaah (Syaherah Mustafa dan Hazira Ahmad Zaidi, Berita Harian Online, 2020). Menurut (Qotadah, 2020) pula, penularan wabak pandemik Covid-19 ini telah menimbulkan reaksi yang pelbagai dalam kalangan umat Islam khususnya yang terkait mengenai penangguhan solat berjemaah dan solat jumat di masjid. Ini kerana, ada yang menganggap ianya merupakan tindakan pencegahan bagi mengekang penularan wabak penyakit Covid-19 dan ada pula sebahagian yang menganggap menjaga agama lebih perlu diutamakan daripada menjaga nyawa.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi menjelaskan beberapa perkara berikut:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan umum masyarakat Islam di Negeri Pahang tentang *Maqasid Syariah*.
2. Mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat Islam di Negeri Pahang terhadap peranan *Maqasid Syariah* dalam menangani Covid-19.
3. Mengenal pasti perbezaan antara lelaki dan perempuan terhadap tahap pengetahuan umum tentang *Maqasid Syariah* dan tahap kefahaman terhadap peranan *Maqasid Syariah* dalam menangani Covid-19.
4. Mengenal pasti perbezaan antara penduduk bandar dan luar bandar terhadap tahap pengetahuan umum tentang *Maqasid Syariah* dan tahap kefahaman terhadap peranan *Maqasid Syariah* dalam menangani Covid-19.

## SOROTAN LITERATUR

### PERANAN MAQASID SYARIAH DALAM MENANGANI COVID-19

Kajian dan penulisan para ulama terkemuka dalam ilmu *Maqasid Syariah* seperti (Al-Syatibi, 2003) mengungkapkan bahawa bebanan dan tanggung jawab syariah adalah bertujuan memelihara atau mengawasi matlamat-matlamat pada makhluk yang merangkumi tiga prinsip utama iaitu prinsip keperluan kritikal (*dharuriyyat al-Khoms*), keperluan biasa (*hajiyyat*) dan pelengkap kepada kehidupan (*tahsiniyyat*). Menurut (Al-Syatibi, 2003) lagi, komponen *al-daruriyyat al-Khoms* atau keperluan kritikal adalah bertujuan memberikan penekanan kepada lima aspek iaitu *hifz al-din* (agama), *hifz al-nafs* (nyawa), *hifz al-nasab* (keturunan), *hifz al-'aql* (akal) dan *hifz al-mal* (harta). Oleh itu, komponen *dharuriyyat* adalah keperluan yang sangat kritikal dan perlu ada pada setiap manusia dalam menjaga agama dan mentadbir urusan dunia. Jika tiada atau lompong salah satunya, maka menyebabkan hidup manusia hancur, binasa dan tidak berguna sama ada di dunia dan di akhirat.

Pengertian lain *Maqasid Syariah* seperti yang dikemukakan oleh (Asyur, 2001) dan (Al-Zuhaili, 2001) pula menjelaskan bahawa *Maqasid Syariah* merupakan tujuan atau rahsia yang dikehendaki oleh Allah SWT pada keseluruhan atau sebahagian hukum dan peraturan yang disyariatkan-Nya. Justeru itu, *Maqasid Syariah* boleh difahami sebagai matlamat, objektif atau rahsia di sebalik pensyariatkan sesuatu hukum syarak yang digubal oleh Allah SWT bertujuan bagi mewujudkan kebaikan, menolak kemudaratan dan mengekang sebarang bentuk kerosakan. Oleh yang demikian, dalam memahami isu-isu keagamaan yang timbul semasa

penularan wabak Covid-19 ini, kefahaman dan pengetahuan umat Islam terhadap peranan dan fungsi *Maqasid Syariah* dilihat begitu signifikan dan mustahak.

Sorotan literatur ini menekuni kajian oleh (Qotadah, 2020) yang bermatlamatkan meninjau peranan *Maqasid Syariah* dalam soal penangguhan solat Jumaat dan berjemaah semasa berlakunya wabak penyakit Covid-19 ini telah menghasilkan dapatan bahawa penangguhan solat Jumaat dan solat berjemaah tidaklah bermaksud mengutamakan nyawa daripada agama namun ia bersandarkan prinsip fiqah, 'menolak kemudaratan lebih diutamakan daripada menjana kemaslahatan' serta aplikasi fiqah keutamaan. Tambahan pula, apabila nyawa seseorang itu terjaga dan terpelihara, maka ia secara tidak langsung membawa kepada pemerkasaan agama Islam.

Selain itu, kajian oleh (Pramesi & Nazarudin, 2020) pula bertujuan mengkaji perlaksanaan *Maqasid Syariah* dalam mendepani wabak penyakit Covid-19 ini. Dapatan kajian yang ditemui ialah kelonggaran bagi meninggalkan solat Jumaat dan solat berjemaah adalah termasuk dalam prinsip memelihara *dharuriyyat al-Khoms*. Hal ini kerana ia membabitkan perhimpunan orang ramai yang memungkinkan kadar penularan penyakit berjangkit itu menjadi tinggi dan mengundang risiko nyawa kepada orang ramai. Oleh itu, penangguhan solat Jumaat dan solat berjemaah adalah selaras dengan konsep *Maqasid Syariah* yang bertujuan mewujudkan kebaikan dan mengekang sebarang bentuk kemudaratan.

Sorotan kajian ini turut menekuni kajian yang dibuat oleh (Mahaiyadin & Samori, 2020) yang mengkaji polisi dan penguatkuasaan yang dilakukan oleh pihak berautoriti dalam mengekang penularan wabak pandemik Covid-19 khususnya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa dasar dan perintah penguatkuasaan yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia pada hari ini dalam memutuskan rantaian penyebaran pandemik covid-19 seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), penjarakan sosial, saringan kesihatan, kuarantin, larangan memasuki kawasan wabak dan sebagainya adalah selaras dengan hukum dan *Maqasid Syariah* bagi memelihara agama dan nyawa serta wajib dipatuhi oleh semua kelompok masyarakat dan rakyat Malaysia.

Selain itu, penularan pandemik covid-19 ini turut memberikan kesan kepada perubahan perlaksanaan ibadah dan muamalat umat Islam serta menimbulkan persoalan hukum dalam kalangan segelintir umat Islam seperti membabitkan isu pembayaran zakat secara atas talian serta akad nikah secara sidang video rentetan daripada PKP yang dikuatkuasakan. Penulisan oleh (Zulkifli, 2020) merumuskan bahawa hukum membayar zakat secara atas talian dan akad nikah secara sidang video adalah diharuskan tertakluk kepada syarat dan mekanisme yang telah ditetapkan oleh hukum syarak. Pada masa yang sama, ia jelas bertujuan menolak kemudaratan dan memutuskan rantaian penularan wabak Covid-19.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menerusi metode kajian kuantitatif yang dioperasi melalui pengumpulan data menggunakan medium pengedaran borang soal selidik ke seluruh daerah di negeri Pahang bermula 10 Mei 2020 sehingga 15 Mei 2020. Pemilihan negeri Pahang sebagai lokasi kajian adalah berlandaskan justifikasi kemudahan dalam urusan capaian maklumat data kajian. Borang kaji selidik ini mempunyai empat (4) bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Bahagian A adalah berkaitan latar belakang responden merangkumi bangsa, jantina, daerah, umur, pendidikan, tempat tinggal, pendapatan isi rumah (sebulan), pekerjaan dan status perkahwinan. Bahagian B pula mewakili item maklumat pengajian agama yang diperoleh oleh responden. Adapun bahagian C adalah soal selidik berhubung tahap kefahaman umum masyarakat Islam negeri Pahang tentang *Maqasid Syariah* serta bahagian D pula ialah peranan *Maqasid Syariah* dalam Menangani Covid-19.

Soal selidik kajian ini adalah berasaskan tinjauan tahap kefahaman masyarakat Islam negeri Pahang terhadap *Maqasid Syariah* serta peranan *Maqasid Syariah* dalam menangani Covid-19. Justeru itu, soalan-soalan yang dibina adalah berdasarkan konsep asas *Maqasid Syariah* dan isu-isu keagamaan yang timbul daripada Covid-19 untuk difahami oleh para responden berdasarkan kerangka *Maqasid Syariah*. Di samping itu, dalam membina soal selidik ini turut melibatkan penyertaan pakar *Maqasid Syariah*<sup>1</sup> dalam memberikan input berkaitan *Maqasid Syariah*. Kaedah persampelan yang digunakan pula adalah berdasarkan teknik persampelan mudah di bawah cabang persampelan bukan kebarangkalian dan bilangan responden diambil menerusi piawai *Krejcie and Morgan* iaitu bagi nisbah 100,000 penduduk negeri Pahang, bilangan yang sesuai seramai 384 orang (Long, 2016). Walau bagaimanapun, kajian ini telah merekodkan bilangan responden seramai 446 orang yang telah mengisi borang soal selidik ini.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini telah berjaya memperoleh seramai 446 orang responden kajian yang telah menjawab soal selidik kajian ini. Responden ini semua adalah terdiri daripada masyarakat Islam yang meliputi kesemua daerah di negeri Pahang.

Jadual 2 menunjukkan taburan profil responden iaitu bangsa, jantina, daerah, umur, pendidikan, tempat tinggal, pendapatan isi rumah, status perkahwinan dan pekerjaan. Responden terdiri daripada 211 orang (47.3%) responden perempuan dan 235 orang (52.7%) responden lelaki. Jumlah responden yang paling ramai adalah terdiri daripada mereka yang berumur di antara 15 hingga 25 tahun iaitu seramai 194 orang (43.5%), manakala responden yang berumur 26 hingga 35 tahun adalah seramai 78 orang (17.5%), 36 hingga 45 tahun adalah seramai 69 orang (15.5%), 46 hingga 55 tahun adalah seramai 64 orang (14.3%), 56 hingga 65 tahun adalah seramai 39 orang (8.7%) dan 66 tahun dan ke atas adalah seramai 2 orang (0.4%). Daripada jumlah responden yang ditemui majoriti responden adalah berbangsa Melayu iaitu 434 orang (97.3%) manakala lain-lain bangsa adalah 11 orang (2.5%) dan bangsa India adalah seorang (0.2%). Kebanyakan responden datangnya daripada daerah Kuantan iaitu seramai 227 orang (50.9%), Temerloh dan Pekan mempunyai bilangan responden yang sama iaitu 35 orang (7.8%), Maran seramai 26 orang (5.8%), Kuala Lipis seramai 23 orang (5.2%), Jerantut 20 orang (4.5%), Cameron Highlands dan Raub mempunyai bilangan yang sama iaitu 18 orang (4%), Bera seramai 16 orang (3.6%), Rompin seramai 15 orang (3.4%) dan Bentong seramai 13 orang (2.9%) responden. Dari sudut pendidikan mendapati seramai 190 orang (42.6%) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda, 153 orang (34.3%) berkelulusan Diploma, STAM dan STPM, 49 orang (11%) berkelulusan SPM, 32 orang (7.2%) berkelulusan Ijazah Sarjana, 8 orang (1.8%) berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah, 4 orang (0.9%) berkelulusan PMR/SRP dan Lain-lain pendidikan adalah seramai 10 orang (2.2%). Kebanyakan responden tinggal di kawasan bandar iaitu seramai 269 orang (60.3%), luar bandar iaitu seramai 145 orang (32.5%) dan FELDA iaitu seramai 32 orang (7.2%). Dari sudut pendapatan isi rumah (bulanan) pula, kebanyakan responden mempunyai pendapatan kurang daripada RM 3000 iaitu seramai 209 orang (46.9%), seramai 137 orang (30.7%) mempunyai pendapat RM 3001 hinggan RM 6500, seramai 61 orang (13.7%) mempunyai pendapatan RM 6501 hingga RM 9500, seramai 25 orang (5.6%) mempunyai pendapatan sebanyak RM9501 hingga RM 12000 dan seramai 14 orang (3.1%) mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM 12,001 dan ke atas. Kebanyakan responden datangnya daripada golongan yang telah berkahwin iaitu seramai 224 orang (50.2%), responden yang berstatus bujang pula adalah seramai 217 orang (48.7%), responden yang berstatus janda adalah seorang (0.2%) dan status duda adalah seramai 4 orang (0.9%).

<sup>1</sup> Perbincangan dan semakan item soal selidik secara atas talian bersama Dr. Ahmad Irdha Mokhtar, Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 6 Mei 2020.

Kebanyakan responden adalah masih belajar iaitu seramai 170 orang (38.1%), berkhidmat sebagai pegawai kerajaan 112 orang (25.1%), berkhidmat dalam sektor swasta iaitu 78 orang (17.5%), bekerja sendiri iaitu seramai 34 orang (7.6%), tidak bekerja iaitu seramai 34 orang (7.6%) dan badan berkanun iaitu seramai 18 orang (4%).

Jadual 2: Taburan Responden mengikut Sosio Demografi

<b>Profil Responden</b>	<b>n = 446</b>	<b>Peratus (%)</b>	
<b>Umur</b>	15 hingga 25 tahun	194	
	26 hingga 35 tahun	78	
	36 hingga 45 tahun	69	
	46 hingga 55 tahun	64	
	56 hingga 65 tahun	39	
	66 tahun dan ke atas	2	
<b>Bangsa</b>	Melayu	434	
	India	1	
	Lain-lain	11	
<b>Daerah</b>	Kuantan	227	
	Temerloh	35	
	Pekan	35	
	Maran	26	
	Kuala Lipis	23	
	Jerantut	20	
	Cameron Highland	18	
	Raub	18	
	Bera	16	
	Rompin	15	
	Bentong	13	
	<b>Pendidikan</b>	Ijazah Sarjana Muda, Diploma/ STAM/ STPM	190
		SPM	153
		Ijazah Sarjana	49
Ijazah Doktor		11	
Falsafah		7.2	
PMR/SRP		1.8	
Lain-lain		4	
Bandar		0.9	
Luar Bandar		2.2	
Felda		2.2	
<b>Tempat tinggal</b>	Bandar	269	
	Luar Bandar	145	
<b>Pendapatan seisi rumah (bulanan)</b>	kurang daripada RM 3000	32	
	RM 3001 hinggan RM 6500	209	
	RM 6501 hingga RM 9500	137	
	RM9501 hingga RM 12000	61	
	RM 12,001 dan ke atas	25	
	Berkahwin	14	
		3.1	
		50.2	

<b>Status perkahwinan</b>	Bujang	217	48.7
	Duda	4	0.9
	Janda	1	0.2
<b>Pekerjaan</b>	Masih Belajar	170	38.1
	Kerajaan	112	25.1
	Swasta	78	17.5
	Bekerja Sendiri	34	7.6
	Tidak Bekerja	34	7.6
	Badan Berkanun	18	4

Andaian kajian adalah untuk membuktikan tahap pengetahuan umum tentang *Maqasid Syariah* yang tinggi dalam kalangan masyarakat Islam Negeri Pahang dan terdapat hubungan antara faktor sosio demografi dengan tahap kefahaman terhadap peranan *Maqasid Syariah* dalam menangani Covid-19.

Berdasarkan jadual 3 di bawah menunjukkan tahap pengetahuan umum tentang *Maqasid Syariah* dalam kalangan masyarakat Islam di Negeri Pahang adalah tinggi sebanyak 95% manakala kefahaman terhadap peranan *Maqasid Syariah* dalam menangani Covid-19 juga adalah tinggi iaitu sebanyak 89.4%.

Jadual 3: Tahap Pengetahuan umum Masyarakat Islam di Negeri Pahang tentang *Maqasid Syariah* dan Tahap Kefahaman Masyarakat Islam di Negeri Pahang terhadap Peranan *Maqasid Syariah* dalam Menangani Covid-19

<b>Perkara</b>	<b>n</b>	<b>Peratus (%)</b>
Tahap Pengetahuan umum Masyarakat Islam di Negeri Pahang tentang <i>Maqasid Syariah</i>	446	95
Tahap Kefahaman Masyarakat Islam di Negeri Pahang terhadap Peranan <i>Maqasid Syariah</i> dalam Menangani Covid-19	446	89.4

Selain itu, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan hubungan antara faktor sosio-demografi (jantina dan tempat tinggal) dengan tahap pengetahuan umum tentang *Maqasid Syariah* dan tahap kefahaman terhadap peranan *Maqasid Syariah* dalam menangani Covid-19. Jadual 4 di bawah, menunjukkan keputusan analisis perbezaan tahap pengetahuan berdasarkan kumpulan jantina lelaki dan perempuan. Keputusan menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi lelaki adalah 95.3 (7.82) dan perempuan adalah 94.7 (8.07). Seterusnya keputusan ujian-t mendapati nilai t adalah 0.72, pada paras signifikan  $p > 0.05$ . Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan umum tentang *Maqasid Syariah* berdasarkan jantina yang signifikan.

Jadual 4: Analisis ujian-t perbezaan antara lelaki dan perempuan bagi pengetahuan umum tentang *Maqasid Syariah*

<b>Jantina</b>	<b>Min</b>	<b>sp</b>	<b>t</b>	<b>Sig.</b>
Lelaki	95.3	7.82	0.72	$p > 0.05$
Perempuan	94.7	8.07		

Jadual 5 di bawah menunjukkan keputusan analisis perbezaan tahap kefahaman terhadap peranan *Maqasid Syariah* dalam menangani Covid-19 berdasarkan kumpulan jantina lelaki dan perempuan. Keputusan menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi lelaki adalah 89.4

(12.12) dan perempuan adalah 89.5 (13.07). Seterusnya keputusan ujian-t mendapati nilai  $t$  adalah -0.83, pada paras signifikan  $p > 0.05$ . Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap kefahaman terhadap peranan *Maqasid Syariah* dalam menangani Covid-19 berdasarkan jantina yang signifikan.

Jadual 5: Analisis t-test perbezaan antara lelaki dan perempuan bagi tahap kefahaman terhadap peranan *Maqasid Syariah* dalam menangani Covid-19

Jantina	Min	sp	t	Sig.
Lelaki	89.4	12.12	-0.83	$p > 0.05$
perempuan	89.5	13.07		

Berdasarkan jadual 6 di bawah, hasil analisis daripada ANOVA Sehalu menunjukkan nilai frekuensi ialah 0.481 dengan nilai signifikan 0.619. Dengan erti kata lain, hasil analisis ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah tempat tinggal bandar, luar bandar dan felda terhadap tahap pengetahuan responden mengenai *Maqasid Syariah*. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa pemboleh ubah kajian seperti bandar, luar bandar dan felda tidak mempunyai perbezaan pada tahap pengetahuan umum tentang *Maqasid Syariah*.

Jadual 6: Analisis ANOVA perbezaan antara penduduk bandar, luar bandar dan felda bagi pengetahuan Umum tentang *Maqasid Syariah*

Kumpulan	JKD	df	MKD	f	Sig.
Antara Kumpulan	60.679	2	30.339	0.481	0.619
Dalam Kumpulan	27837.127	441	63.123		
Jumlah	27897.806	443			

Tempat tinggal	n	Purata	sp	Aras Keyakinan Bawah	Aras Keyakinan Atas
Bandar	268	94.78	8.76	93.72	95.83
Luar bandar	144	95.56	6.45	94.49	96.62
Felda	32	94.69	6.71	92.27	97.11
Jumlah	444	95.02	7.94	94.28	95.76

Berdasarkan jadual 7 di bawah, hasil analisis daripada ANOVA Sehalu menunjukkan nilai frekuensi ialah 0.139 dengan nilai signifikan 0.871. Dengan erti kata lain, hasil analisis ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah tempat tinggal bandar, luar bandar dan felda terhadap tahap kefahaman responden mengenai peranan *Maqasid Syariah* dalam menangani Covid-19. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa pemboleh ubah kajian seperti bandar, luar bandar dan felda tidak mempunyai perbezaan pada tahap kefahaman responden terhadap peranan *Maqasid Syariah* dalam menangani Covid-19.

Jadual 7: Analisis ANOVA perbezaan antara penduduk bandar, luar bandar dan felda pada tahap kefahaman responden terhadap peranan *Maqasid Syariah* dalam menangani Covid-19

Kumpulan	JKD	df	MKD	f	Sig.
Antara Kumpulan	43.94	2	21.968	.139	.871
Dalam Kumpulan	69900.793	441	158.505		
Jumlah	69944.728	443			



Tempat tinggal	n	Purata	sp	Aras Keyakinan Bawah	Aras Keyakinan Atas
Bandar	268	89.59	13.69	87.94	91.23
Luar bandar	144	88.40	10.75	87.62	91.16
Felda	32	88.35	10.39	84.60	92.09
Total	444	89.43	12.57	88.26	90.60

Selain itu, berkenaan dengan isu semasa yang timbul akibat wabak Covid-19 ini, dapatan kajian mendapati majoriti responden iaitu seramai 87.6% tidak percaya bahawa wabak penyakit Covid-19 adalah makhluk Allah dan hanya menyerang pelaku maksiat sahaja. Namun terdapat juga responden yang percaya bahawa Covid-19 hanya menyerang pelaku maksiat sahaja iaitu sebanyak 6.7% dan selebihnya tidak pasti sebanyak 5.6%. Berkenaan isu nikah *online*, majoriti responden 59.6% setuju bahawa nikah secara *online* bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19 adalah selaras dengan *Maqasid Syariah*. Namun terdapat juga responden yang tidak setuju bahawa nikah secara *online* bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19 adalah selaras dengan *Maqasid Syariah* iaitu sebanyak 4.9% manakala selebihnya tidak pasti sebanyak 35.5%. Majoriti responden (88.3%) akur untuk tetap solat di rumah berbanding solat di masjid atau surau pada musim Covid-19. Namun terdapat juga responden yang akan tetap pergi ke masjid (6.1%) kerana berpendapat solat fardu tetap utama ditunaikan di masjid atau surau. Selebihnya 5.6% menjawab tidak pasti. Majoriti responden iaitu sebanyak 90.3% bersetuju bahawa kita tidak seharusnya bertawakal semata-mata dalam menangani Covid-19 bahkan perlu mengambil langkah pencegahan daripada penyakit Covid-19. Namun terdapat juga bilangan responden sebanyak 8.3% yang berpendapat kita seharusnya bertawakal semata-mata dalam menangani Covid-19. Manakala responden yang selebihnya menjawab tidak pasti iaitu sebanyak 1.3%.

## PERBINCANGAN

Perintah kawalan pergerakan yang dilaksanakan oleh kerajaan ini bertepatan dengan prinsip *Maqasid Syariah*. *Maqasid Syariah* telah memberi penekanan terhadap lima perkara iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga harta dan menjaga keturunan. Setiap hukum yang ditetapkan dalam Islam hendaklah memastikan masalah umat Islam dicapai dan mengelakkan kemudaratan. Dalam situasi pandemik wabak Covid-19 ini, memelihara nyawa umat Islam adalah lebih utama dan amat berkait rapat antara satu sama lain. (Mohd Yusoff, Berita Harian, 2020) bersetuju dengan kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri yang mencadangkan agar *Maqasid Syariah* difokuskan pada masa ini dalam usaha memelihara nyawa, akal dan keturunan umat Islam di Malaysia.

Oleh itu, terdapat beberapa kemudahan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri Pahang dalam usaha memudahkan urusan umat Islam pada musim pandemik Covid-19 ini antaranya ialah pembayaran zakat fitrah atas talian yang telah diperkenalkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), pembelian barang keperluan menggunakan aplikasi Pahang Go yang telah diperkenalkan oleh kerajaan Negeri Pahang dan peraturan yang ditetapkan ketika berada di pasar raya yang mesti dipatuhi oleh masyarakat di negeri Pahang antaranya jarak satu meter, imbasan suhu sebelum memasuki pasar raya dan memakai topeng muka.

Berkenaan dengan urusan pernikahan, Jabatan Agama Islam Pahang telah menetapkan syarat dan tatacara pelaksanaan akad pernikahan yang mesti dipatuhi dengan menetapkan had bilangan jumlah tidak melebihi 8 orang dan majlis akad nikah hendaklah dilakukan di Pejabat Agama Islam Daerah sahaja atau di suatu tempat yang difikirkan sesuai oleh Al-Fadhil Qadhi

Daerah dalam negeri Pahang (Jabatan Agama Islam Pahang, 2020). Berbeza dengan Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Perlis, Kedah dan Perak yang membenarkan pernikahan secara atas talian dilaksanakan tetapi hendaklah mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Permohonan Kebenaran Berkahwin secara atas talian merupakan satu alternatif baru yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri bagi tujuan memberikan kemudahan kepada masyarakat umumnya dan pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2020). Prosedur dan langkah-langkah yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Malaysia secara umumnya dan kerajaan negeri Pahang khususnya adalah bertepatan dan selari dengan *Maqasid Syariah* iaitu menjaga nyawa dan menjaga keturunan umat manusia bagi mengelakkan perbuatan kemungkaran berlaku pada musim pandemik ini. Walau bagaimanapun, pilihan pernikahan secara atas talian wajar diberikan kepada pasangan yang ingin berkahwin dengan melihat situasi semasa.

Namun demikian, pihak berkuasa perlu memastikan parameter darurat yang dialami oleh umat Islam bagi mengharuskan melakukan perkara yang dilarang itu diukur mengikut pertimbangan yang sewajarnya. Ini bermakna, apabila keadaan negara telah pulih daripada wabak Covid-19, maka keharusan melakukan perkara dilarang itu telah tamat dan kembali kepada keadaan asal hukum tersebut. Hal ini dijelaskan dalam kaedah fiqh, '*darurat itu diukur mengikut kadarnya*'. Ia bermaksud keharusan untuk meninggalkan perkara wajib adalah bertempoh dan tidak mutlak. Kaedah ini turut menyatakan had dalam mengaplikasikan prinsip rukhsah dalam situasi darurat yang mengancam nyawa adalah berpadanan dengan kadar kemudatan yang dialami serta tidak melampaui daripada skop atau had tersebut (Muda, 2000). Oleh itu, jika wabak penyakit ini telah beransur pulih atau hilang, maka umat Islam hendaklah kembali mematuhi hukum asal iaitu wajib ditunaikan solat Jumaat di masjid. Perkembangan semasa yang berlaku pada hari ini, telah menyaksikan dibolehkan solat berjemaah dan solat Jumaat di masjid dengan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Dalam konteks negeri Pahang, solat Jumaat percubaan di tiga buah masjid terpilih telah diadakan pada 15 Mei 2020 dan diperluaskan ke satu masjid di setiap daerah dalam negeri Pahang pada 22 Mei 2020 semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dikuatkuasakan (Awang, Berita Harian *Online*, 2020).

Berkenaan dengan konsep tawakal, umat Islam mestilah memahami erti tawakal yang telah ditetapkan dalam Islam kerana masih terdapat golongan yang mengeluarkan kenyataan "*tidak perlu takut kepada Covid-19 tetapi hanya takut kepada Allah*". Berdasarkan kajian yang dijalankan, masih lagi terdapat individu yang mempunyai tahap kefahaman yang rendah tentang *Maqasid Syariah*. Berdasarkan jawapan yang diterima mendapati kelompok kecil mengatakan cukup hanya tawakal semata-mata. Dengan erti kata lain, golongan tersebut tidak faham erti tawakal yang sebenar. Oleh itu, keperluan kepada pelaksanaan program untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman masyarakat Islam mengenai *Maqasid Syariah* lebih mendalam wajar dilaksanakan. Program yang bakal dirancang bukanlah kepada kumpulan sasaran tertentu. Program perlu dilaksanakan untuk semua peringkat umur tidak kira sama ada kanak-kanak, remaja, belia dan orang tua atau tempat tinggal tidak kira masyarakat bandar, luar bandar dan juga FELDA.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian yang dilakukan dapat melihat secara umum tentang tahap pengetahuan masyarakat Islam di Negeri Pahang tentang *Maqasid Syariah* dan tahap kefahaman masyarakat Islam di negeri Pahang terhadap *Maqasid Syariah* dalam menangani wabak Covid-19 yang sedang berlaku pada negara di seluruh dunia pada hari ini. Dengan

bilangan sampel yang bertepatan dengan populasi Negeri Pahang, dapat dilihat tahap pengetahuan umum tentang *Maqasid Syariah* dan tahap kefahaman Masyarakat Islam di Negeri Pahang terhadap peranan *Maqasid Syariah* dalam menangani Covid-19 juga adalah tinggi. Seterusnya, berdasarkan dapatan kasar kajian ini juga mendapati tiada hubungan signifikan antara faktor jantina dan tempat tinggal dengan tahap pengetahuan masyarakat Islam di Negeri Pahang tentang *Maqasid Syariah* dan tahap kefahaman masyarakat Islam di negeri Pahang terhadap *Maqasid Syariah* dalam menangani wabak Covid-19. Oleh itu, dapat disimpulkan kesemua ahli masyarakat tidak mengira jantina, tempat tinggal dan daerah mengambil berat tentang ilmu *Maqasid Syariah* untuk mematuhi arahan dan perintah yang ditetapkan oleh pemerintah yang masih berada atas landasan syarak apabila selari dengan prinsip-prinsip tersebut.

Namun, terdapat juga sebilangan kecil individu yang mempunyai pengetahuan yang lemah berkenaan ilmu *Maqasid Syariah*. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang *Maqasid Syariah* perlulah diteruskan dan dihebahkan ke peringkat komuniti dan individu agar mereka sentiasa sedar akan kepentingan ilmu *Maqasid Syariah* ini. Penggunaan media komunikasi yang lebih luas untuk menyebarkan maklumat mengenai ilmu *Maqasid Syariah* ini juga dapat difikirkan sebagai salah satu peluang untuk mendalami ilmu agama agar kefahaman tentang *Maqasid Syariah* dapat dipertingkatkan ketika musim Covid-19 di samping pihak bertanggungjawab dapat menyekat fahaman yang salah agar ilmu Allah ini tidak disalahertikan. Usaha ini perlu berterusan bagi menghasilkan umat Islam yang mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai *Maqasid Syariah*.

## RUJUKAN

- Al-Syatibi, A. I. (2003). *al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah, Jil. 2*. Maktabah al'Asriyyah.
- Al-Zuhaili, W. (2001). *Usul al-Fiqh al-Islami, Jil. 2*. Dar al-Fikr.
- Asyur, I. (2001). *Maqashid al-Syari'ah al-Islamiyah. Amman: Dâr al-Nafâ'is*.
- Awang, A. (2020). *Solat Jumaat di seluruh Pahang bermula minggu depan*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689183/solat-jumaat-di-seluruh-pahang-bermula-minggu-depan>
- Hayin, N. 'Asyikin M. (2020). *Takut virus atau tuhan?* Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/03/557111/takut-virus-atau-tuhan>
- Long, A. S. (2016). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Cetakan Ke). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahaiyadin, M. H., & Samori, Z. (2020). Kawalan Penularan Wabak Merbahaya Menurut Perspektif Siasah Syar'iyyah: Managing The Pandemic Breakout From Siasah Syar'iyyah Perspective. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26–48.
- Malaysia, J. K. I. (2020). *Permohonan Kebenaran Berkahwin Online*. <http://www.sppim.gov.my/sppim/online/benarnikahonline>
- Malaysia, K. K. (2020a). *Situasi Terkini Covid-19 Malaysia 01 Disember 2020*. <http://covid-19.moh.gov.my/terkini>
- Malaysia, K. K. (2020b). *Soalan Lazim (FAQ) Rasmi Berkaitan COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia*. <http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/faq-covid-19-kkm>
- Mohd Yusoff, A. N. (2020). *Maqasid syariah jadi panduan cegah penularan wabak*. *Berita Harian Online*. <https://origin.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/04/680964/maqasid-syariah-jadi-panduan-cegah-penularan-wabak>
- Muda, A. L. (2000). *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh*. Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Negara, M. K. (2020). *Perintah Kawalan Pergerakan (Movement Control Order)*. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/covid-19/>

- Pahang, J. A. I. (2020). *Arahan tatacara pelaksanaan majlis akad nikah di negeri Pahang sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan*.  
[https://emunakahat.pahang.gov.my/tatacara\\_akad.php](https://emunakahat.pahang.gov.my/tatacara_akad.php)
- Pramesi, N. A., & Nazarudin, N. (2020). Implementasi maqashid syari'ah dalam menghadapi wabah covid-19. *Medina-Te: Jurnal Studi Islam*, 16(1), 1–11.
- Qotadah, H. A. (2020). Covid-19: tinjauan maqasid al-shariah terhadap penangguhan pelaksanaan ibadah shalat di tempat ibadah (Hifdz al-Nafs Lebih Utama Dari Hifdz al-Din?). *SALAM: Jurnal Sosial Dan Budaya Syar-I*, 7(7).
- Syaherah Mustafa dan Hazira Ahmad Zaidi. (2020). *Jemaah zohor di masjid, diberi nasihat*. Berita Harian Online.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/667552/jemaah-zohor-di-masjid-diberi-nasihat>
- World Health Organization. (2020). *Coronavirus disease (COVID-19) pandemic*.  
<https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019>
- Zulkifli, M. (2020). *Soal Jawab Fiqh Covid-19 Edisi Kemas Kini*. Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).